

01/05/1997

Buat penilaian daripada peredaran zaman

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sudah banyak kali menjelaskan matlamat Wawasan 2020. Berkali-kali juga Perdana Menteri mengajak rakyat supaya bersama-sama merenung dan memikirkan mengenai wawasan itu supaya mencapai kejayaan. Kita diajak memperbaharui semula tekad untuk menebus maruah bangsa dan mendirikan sebuah negara yang berdiri sama tinggi dengan negara bertamadun di dunia sekarang, mahu pun dalam sejarah manusia. Lantaran itu, kita sangat mengidam Malaysia muncul sebagai negara berbudaya maju dan bertamadun tinggi.

Kita juga selalu diperingatkan menjadi negara maju mengikut acuan sendiri. Rakyat tidak mahu Malaysia menjadi negara tiruan yang menyerap dan mengamalkan segala-gala dari negara maju. Kita juga tidak mahu berbeza daripada negara maju yang lain hanya kerana kita ingin berbeza daripada mereka.

Namun segala idaman dan impian kita tidak tercapai tanpa wujud komitmen tinggi daripada rakyat. Lantaran itulah, Dr Mahathir ketika membentangkan ucap-tama di Kongres Kebangsaan Wawasan 2020 kelmarin meminta seluruh rakyat bergerak sebagai satu pasukan untuk mencapai visi itu. Sikap alpa, ragu, berpeluk tubuh, gaya hidup yang membazir dan enggan melakukan pembaharuan akan menyebabkan ekonomi negara merosot, sekali gus Wawasan 2020 musnah.

Kita tidak menolak hakikat bahawa rakyat Malaysia wajar berbangga dengan tahap pembangunan mantap yang dicapai negara selepas hampir 40 tahun mendapat kemerdekaan. Namun berdasarkan nasihat Perdana Menteri itu, dalam era perubahan dinamik masa kini, kita semua mesti melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi di samping bersikap positif dan sentiasa membawa perubahan.

Sebagai rakyat yang mahu Wawasan 2020 menyerlah, kita perlu memelihara kemajuan negara secara berterusan dengan ketekunan dan usaha berlipat ganda bagi memperolehi kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi pada tahun mendatang. Sesungguhnya kita yakin ini akan dilakukan oleh rakyat kerana tiada siapa dapat menafikan wujudnya kejituan perpaduan masyarakat berbilang kaum dan keturunan di Malaysia. Pada masa yang sama kita tidak mahu semangat kemesraan di kalangan rakyat pelbagai kaum luntur dan akhirnya menimbulkan pelbagai masalah yang boleh membantutkan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kita sedar kerajaan berusaha sedaya mungkin memupuk sikap dan semangat positif di kalangan rakyat sebelum mencapai matlamat Wawasan 2020 dan sekali gus taraf negara maju. Bagaimanapun, kita sedih jika masih ada rakyat yang memandang ringan segala usaha ke arah itu. Sewajarnya mereka yang masih beranggapan demikian membulatkan tekad bahawa jika ini dicapai, Malaysia bukan saja diiktiraf sebagai negara maju, tetapi rakyatnya memiliki moral dan disiplin yang tinggi serta mengekalkan budaya bangsa dan akhirnya menjadi bangsa yang lebih dihormati di dunia.

Perdana Menteri kerap mengingatkan mengenai perlunya diwujudkan pembangunan kebendaan dan kerohanian yang seimbang dalam usaha negara mencapai matlamat itu. Kita percaya dalam tempoh mendatang, serangan terhadap kekuatan moral dan kerohanian rakyat kita akan datang bertubi-tubi. Kita pasti perkara ini akan berlaku kerana ia sudah pun terjadi di kebanyakan negara maju.

Tamadun zaman silam banyak membuktikannya. Negara yang gagah menjadi lemah dan jatuh. Lebih malang kejatuhan sesebuah negara itu bermula dari

peringkat sebelum kedudukannya benar-benar kuat dan teguh. Pastinya kita tidak mahu fenomena yang mengerikan itu berlaku di negara kita. Tiada sebab ia berlaku kecuali kerana pengabaian kita terhadap aspek etika dan moral yang menjadi asas dalam membentuk sesebuah masyarakat sempurna.

Kita yakin walaupun tidak ada sebuah negara yang boleh dijadikan contoh tepat bagi menggambarkan bangsa yang berbudaya maju pada zaman ini, sebagai rakyat yang berpendidikan dan mempunyai pegangan agama yang utuh, kita mampu membuat penilaian dengan mengkaji peredaran zaman.

Usaha memastikan generasi muda Malaysia mempunyai nilai hidup yang betul serta terhindar daripada kegiatan tidak sihat sehingga menggugat matlamat mencapai negara maju adalah tanggungjawab semua pihak. Kita mesti bijak memilih yang jernih dan bersih dari mana saja, pada masa yang sama sanggup serta bersedia menolak sesuatu keruh dan buruk walaupun ia berpunca daripada diri kita sendiri.

(END)